

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi mengelak lebih banyak pembalakan dan penebangan hutan di kawasan tadahan air Empangan Muda yang telah berkurangan sebanyak 87.3% sejak ia mula dibina pada tahun 1969 hingga 2017. Senaraikan kawasan-kawasan tadahan air mengikut negeri dan keluasannya serta keluasan hutan berhampiran ia sejak 10 tahun lalu. Apakah punca penangguhan Skim Pengairan Air Mentah Sungai Perak ke Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan Empangan Muda seluas lebih kurang 3,382 hektar terletak dalam kawasan Hutan Simpan Ulu Muda dan Hutan Simpan Bukit Saiong Negeri Kedah. Pihak Kerajaan Negeri sama sekali tidak melaksanakan aktiviti pembalakan dalam kawasan hutan tadahan air. Aktiviti pembalakan hanya dilaksanakan di kawasan hutan pengeluaran.

Antara tindakan yang diambil oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dalam memelihara dan mengekalkan kawasan tadahan air di Empangan Muda tersebut adalah:

- (i) pada dasarnya Jabatan Perhutanan Negeri tidak menyokong atau mengesyorkan aktiviti pembalakan dalam kawasan hutan tadahan air;
- (ii) mewarta dan mengekalkan Hutan Simpan Ulu Muda seluas 105,059 hektar dan Hutan Simpan Bukit Saiong seluas 8,191 hektar sebagai Hutan Simpanan Kekal dibawah seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313);
- (iii) mengelaskan seluas 16,229 hektar Hutan Simpan Ulu Muda dan 6,266 hektar Hutan Simpan Bukit Saiong sebagai kawasan hutan tadahan air di bawah seksyen 10(1)(e), Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313);

- (iv) meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan keatas aktiviti pembalakan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam kawasan hutan yang dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran Kayu di bawah Perolehan Berkekalan seksyen 10(1) (a) Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) agar pelesen mematuhi syarat-syarat lesen dan keperluan dan peraturan di bawah standard Kriteria dan Petunjuk Malaysia (*Malaysia Criteria and Indicator - MC&I*) yang menekankan pengawalan kestabilan alam sekitar, pengekalan kualiti sumber air dan kesejahteraan kehidupan masyarakat setempat; dan
- (v) melaksanakan aktiviti tanaman pokok dari spesies pokok berpasaran di kawasan matau sementara, lorong-lorong penarik dan kawasan lapang dalam kawasan yang telah dilesenkan untuk mempercepatkan proses pemulihan dan pemeliharaan kawasan tersebut.

Secara amnya, kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dikelaskan kepada 12 fungsi kelas di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Bagi aktiviti pengusahasilan ianya hanya dijalankan di dalam hutan yang dikhaskan untuk tujuan pengeluaran. Manakala bagi lain-lain fungsi hutan dikelaskan di bawah Hutan Perlindungan. Salah satu fungsi kelas yang dikategorikan di bawah Hutan Perlindungan ialah Hutan Tadahan Air.

Bagi memastikan kawasan tadahan air ini dilindungi, dipelihara dan diuruskan secara terbaik melalui amalan pengurusan hutan secara berkekalan, Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) telah mewartakan kawasan hutan yang telah dikenal pasti sebagai Hutan Tadahan Air mengikut keperluan seksyen 10(1)(e)

Akta Perhutanan Negara 1984. Sehingga kini, seluas 731,675 hektar kawasan HSK telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air seperti di dalam jadual di Lampiran.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN : 226

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) kepada kapasiti 12 juta penumpang akan dimulakan. Perincian kos dan keluasan kawasan pembesaran, adakah bakal membabitkan pengambilan tanah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang dalam proses melantik juru perunding. Dalam hubungan ini, komponen-komponen yang terlibat, kos terperinci dan keluasan kawasan pembesaran bagi pelaksanaan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) akan hanya diketahui selepas juru perunding selesai menjalankan penilaian terperinci.

RT19/227

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
DARIPADA****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang kedudukan sekolah kawalan untuk semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina di Pulau Pinang dan sekiranya telah pun ditarik balik, mengapa ia tidak dinyatakan dalam surat secara hitam putih. Adakah pihak Kementerian sudah bersetuju mengiktiraf Unified Examination Certificate (UEC) seperti yang dijanjikan oleh MCA dan Gerakan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menetapkan sebarang dasar berkenaan pelaksanaan sekolah kawalan. Konsep sekolah kawalan adalah merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Sekolah menengah harian kerajaan dan bantuan kerajaan beroperasi berdasarkan kepada pendaftaran kemasukan murid dari sekolah-sekolah rendah harian (*feeder school*) yang terletak berhampiran dengan sekolah menengah harian kerajaan dan bantuan kerajaan berkenaan.

Isu berhubung pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC), pendirian KPM adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara ini perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur dengan kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan tersebut.

RT19/227

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional bahawa tiada sebuah pun SJKC baru bakal dibina di Pulau Pinang termasuk di Alma, Bukit Mertajam dan Batu Kawan yang kini membangun pesat. Juga, nyatakan sebab permohonan Pulau Pinang untuk membina Sekolah Menengah Tamil yang pertama dalam negara masih belum diluluskan walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia memberikan tanah bagi tujuan berkaitan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembangunan sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) adalah bagi memenuhi keperluan pendidikan anak-anak masyarakat setempat selaras dengan keperluan sosial dan ekonomi serta akses kepada pendidikan untuk semua. Bagi memenuhi keperluan pendidikan masyarakat Cina, pembinaan SJKC baharu dilaksanakan di kawasan yang mempunyai penduduk etnik Cina yang ramai. Pelaksanaan sekolah-sekolah ini perlu berdasarkan keutamaan dan keperluan projek serta kebolehpayaan ekonomi dan kewangan negara. Berdasarkan justifikasi

72

itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan permohonan pembangunan 10 SJKC baharu dan pemindahan 6 SJKC ke kawasan baharu.

Berhubung permohonan penubuhan Sekolah Menengah Tamil, penubuhan sesebuah sekolah menengah adalah berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 30 dan 31 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Kedua-dua seksyen tersebut memperuntukkan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sahaja bagi menampung keperluan pendidikan peringkat menengah untuk murid pelbagai kaum di negara ini. Oleh yang demikian, tiada seksyen yang diperuntukkan oleh Akta 550 yang boleh dijadikan sebagai punca kuasa yang membolehkan Sekolah Menengah Tamil ditubuh atau dibina.

Namun demikian, KPM tidak pernah menafikan hak murid berbangsa India di negara ini untuk mempelajari bahasa Tamil di peringkat menengah. Mata pelajaran bahasa Tamil turut ditawarkan sebagai mata pelajaran tambahan kepada murid yang berminat untuk mempelajari bahasa tersebut di SMK.